

Kesan Kefahaman Fatwa Zakat Pendapatan Penggajian Terhadap Gelagat Membayar Zakat  
Pendapatan: Kajian di Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak

*The Effects of Understanding on Fatwa paying zakat on income toward behavior of paying zakat on income: A study at Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak*

MOHAMED HANIF MOHAMED NOR & HAIRUNNIZAM WAHID\*

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang menitikberatkan pembayaran zakat pendapatan penggajian. Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 22 Jun 1997 telah bersetuju bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib ke atas orang Islam yang layak mengeluarkan zakat (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). Namun demikian, pada 16 Februari 2004, Jabatan Mufti Negeri Perak pula telah mengeluarkan fatwa yang tidak mewajibkan pembayaran zakat pendapatan penggajian. Negeri Perak merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak mewajibkan pembayaran zakat pendapatan penggajian. Namun begitu, jumlah kutipan zakat pendapatan di negeri Perak terus meningkat dari tahun ke tahun. Persoalannya mengapakah masyarakat Islam di Perak masih terus membayar zakat pendapatan sedangkan terdapat fatwa yang tidak mewajibkan pembayaran zakat pendapatan. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti sejauhmana wujud perkaitan antara kefahaman fatwa tersebut dengan gelagat pembayaran zakat pendapatan di negeri Perak. Sampel kajian ini adalah dalam kalangan kakitangan Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak dan seramai 228 orang responden telah ditemubual menggunakan teknik pensampelan secara rawak. Data dianalisis menggunakan model regresi logistik bagi menguji kebarangkalian beberapa pemboleh ubah yang dijangkakan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan seperti kefahaman fatwa zakat penggajian, insentif rebat cukai, kecekapan agihan zakat dan sebagainya. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden telah mendengar dan memahami fatwa zakat penggajian namun mereka tetap meneruskan membayar zakat pendapatan disebabkan oleh pelbagai faktor termasuklah faktor rebat cukai pendapatan dan kepercayaan kepada sistem agihan zakat yang cekap dan efisien serta inginkan fadilat membayar zakat. Malahan, berdasarkan pengalaman Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan dapatan kajian, jumlah kutipan zakat pendapatan terus meningkat setiap tahun di negeri Perak terutama di Politeknik Ungku Omar dan wujud kecenderungan pembayar zakat membayar zakat pendapatan melebihi kadar kewajipan zakat. Beberapa cadangan dan implikasi dasar turut dibincangkan dalam kajian ini.

Katakunci: Fatwa Zakat Pendapatan Penggajian, rebat cukai pendapatan, Politeknik Ungku Omar, Fadilat membayar zakat

ABSTRACT

*Malaysia is an Islamic country which emphasizes the payment of zakat income payroll. Fatwa Muzakarah National Council of Fatwa Committee dated 22 June 1997 have agreed that zakat on employment income is mandatory on Muslims eligible alms (Department of Islamic Development Malaysia). However, on 16 February 2004, Perak Mufti Department had issued a fatwa which does not require the payment of zakat income employment. Perak is the only Malaysian state that does not require the payment of zakat income employment. However, the amount of zakat collection in Perak State income continued to increase from year to year. The question is why the Muslim community in Perak continues to pay the zakat on income while there is a fatwa which does not require the payment of zakat income. Therefore, this study aimed to identify on how far the existing association between understanding the fatwa the act to pay zakat in Perak. The sample of this study are taken among the staff of the Polytechnic Ungku Omar, Ipoh, Perak and a total of 228 respondents were interviewed using a random sampling technique. Data analyzed using logistic regression models to test the probability of some expected variables affecting income as zakat fatwa understanding of employment, tax rebate incentives, and efficiency of distribution of zakat and so on. The results show that the majority of respondents have heard and understood the fatwa zakat*

*employment but they still continue to pay zakat income caused by various factors including income tax rebate factors and faith zakat distribution system that is efficient and would expect fadilat pay zakat. In fact, based on the experience of the Islamic Religious Council and Malay Customs Perak (MAIPk) and findings, the amount of zakat proceeds income continued to increase every year in the State of Perak particularly in Politeknik Ungku Omar and zakat payers pay zakat tendency of income exceeding the obligation of zakat. A few suggestions and implications of policies are also discussed in this study.*

*Keywords: Zakat Fatwa Employment Income, income tax rebate, Politeknik Ungku Omar, Fadilat paying zakat*

## PENGENALAN

Zakat pendapatan ialah zakat yang dikenakan ke atas semua jenis sumber pendapatan, hasil upah yang diperolehi daripada perkhidmatan, pekerjaan, aktiviti yang menghasilkan pendapatan bagi seseorang Muslim. Zakat pendapatan adalah satu kewajipan bagi orang Islam yang kaya di Malaysia untuk membayar zakat bagi memastikan matlamat jaminan sosial umat Islam di Malaysia dapat dipertingkatkan. Kewajipan pembayaran zakat mempunyai pelbagai objektif sosio-ekonomi yang positif bukan sahaja kepada penerima zakat bahkan kepada pembayar zakat dan masyarakat keseluruhannya. Zakat pendapatan juga dilihat sebagai sumber baru yang sangat baik untuk dibangunkan dengan jumlah pembayar zakat yang ramai di setiap negeri (Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali, 2005). Sumbangan zakat pendapatan dilihat amat berpotensi meningkatkan jumlah kutipan zakat di setiap negeri bagi memastikan pengagihan zakat mampu berjalan

dengan lebih kemas untuk menjamin keadilan sosial masyarakat (Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali, 2007). Walaupun fatwa wajib zakat ke atas pendapatan telah lama diwartakan, namun masih ramai individu Muslim yang layak tidak membayar zakat atau tidak patuh kepada fatwa wajib zakat gaji ini (Zainol Bidin, & Kamil Md Idris, 2009). Hikmah disebalik amalan ibadah ini merupakan rahmat Allah SWT yang tidak ternilai. Ia merupakan langkah awal yang sepatutnya ditangani dengan baik untuk menuju satu sistem ekonomi Islam yang sempurna. Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 103 bermaksud:

*“Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan berdoaalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah maha mendengar lagi maha mengetahui”.*

JADUAL 1. Tahun Fatwa Zakat Pendapatan Di Malaysia

Negeri	Tahun Fatwa
Selangor	2001
Kuala Lumpur	1999
Kelantan	1999
Johor	2000
Kedah	1986
Melaka	2000
Negeri Sembilan	1998
Pahang	2001
Perak	1990
Perlis	1991
Pulau Pinang	2001
Sabah	t.d
Sarawak	1996
Terengganu	1999

Nota: t.d: tiada data

Sumber: Laporan zakat pelbagai tahun setiap negeri

Di Malaysia zakat pendapatan mula diperkatakan pada akhir tahun 1970an. Sehingga ke awal 1990an konsepnya telah mula diterima dan mula dilaksanakan di Malaysia. Definisi Fatwa pada sudut bahasa diambil daripada kalimah *afta-ifta'an* yang memberi maksud menjelas dan menghuraikan hukum permasalahan. Dengan itu Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 22 Jun 1997 bersetuju bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat<sup>1</sup>. Jadual 1 menunjukkan tahun zakat pendapatan telah difatwakan bagi negeri di Malaysia. Berdasarkan jadual tersebut, menunjukkan kebanyakan negeri telah menfatwakan zakat pendapatan. Negeri Kedah merupakan negeri yang

terawal yang mewartakan wajib zakat gaji iaitu pada 19 April 1986. Seterusnya bagi negeri Selangor, Pahang dan Pulau Pinang yang mula difatwakan bermula tahun 2001. Namun begitu, Jawatankuasa fatwa negeri Perak tidak memfatwakan zakat pendapatan adalah wajib. Ini adalah selaras dengan keputusan jawatankuasa fatwa negeri Perak yang telah bermesyuarat pada 16 Februari 2004 mengatakan:

*“Gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup nisab dan haul kerana haul itu adalah merupakan syarat yang diittifaqkan oleh Jumhurul Ulama dalam mazhab yang empat. Syarat ini tidak berlaku pada gaji atau pendapatan maka gaji atau pendapatan tidak wajib zakat”*

JADUAL 2. Statistik Kutipan Zakat Pendapatan melalui potongan zakat berjadual di Negeri Perak

Tahun	Jumlah Pembayar Zakat (Orang)	Peratusan Peningkatan tahunan (%)	Jumlah Zakat Pendapatan (RM Juta)	Peratusan Peningkatan tahunan (%)
2017	26,659	20	36.15	20
2016	22,134	15	30.06	10
2015	19,189	10	27.43	19
2014	17,513		23.13	

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk)

JADUAL 3. Statistik Jumlah dan Kutipan Zakat Pendapatan oleh Kakitangan Politeknik Ungku Omar melalui potongan zakat berjadual di MAIPk di Negeri Perak

Tahun	Jumlah Kakitangan Membayar Zakat (Orang)	Peratusan Peningkatan tahunan (%)	Jumlah Zakat pendapatan (RM)	Peratusan Peningkatan tahunan (%)
2017	239	11	275,693	15
2016	215	9	239,362	25
2015	197	1.5	192,003	16
2014	194		165,405	

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk)

Walaupun negeri Perak yang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak mewajibkan pembayaran zakat pendapatan, namun jumlah kutipan zakat pendapatan sentiasa meningkat setiap tahun. Berdasarkan Jadual 2, statistik kutipan zakat pendapatan

melalui MAIPk di Negeri Perak menunjukkan berlaku peningkatan dalam jumlah pembayar zakat dari tahun 2014 hingga tahun 2017. Pada tahun 2014 adalah seramai 17,513 orang telah membayar zakat pendapatan telah meningkat berbanding pada tahun 2017 adalah

1 PPZ MAIWP, 'Fatwa Zakat' <http://www.zakat.com.my/info-zakat/fatwa-zakat/#1480300641301-f64ba14a-69e1>. Dicapai pada 13 Julai 2018

<http://www.ukm.my/personalia/publication/kesan-kefahaman-fatwa-zakat-pendapatan-penggajian-terhadap-gelagat-membayar-zakat/>

seramai 26,659 orang. Jumlah peningkatan tersebut adalah sebanyak 52 peratus. Manakala jumlah kutipan zakat pendapatan terus mengalami peningkatan iaitu RM 23.13 juta kepada RM 36.15 juta dan peningkatan ini adalah sebanyak 56 peratus.

Persoalannya ialah mengapakah jumlah kutipan zakat di negeri Perak terus meningkat sedangkan fatwa zakat pendapatan adalah tidak wajib di negeri tersebut. Apakah faktor yang mempengaruhi kepatuhan pembayar zakat membayar zakat pendapatan kepada pihak berwajib. Adakah wujud hubungan antara kecenderungan membayar zakat pendapatan dan kefahaman terhadap fatwa zakat. Adakah wujud persepsi yang berbeza dalam kalangan masyarakat Islam terhadap pengurusan cukai dan zakat. Justeru, bagi menjawab persoalan ini, kajian ini akan mengkaji gelagat pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan Politeknik Ungku Omar (PUO) di Ipoh, Perak. Politeknik ini merupakan salah satu institusi pendidikan awam yang terbesar, Politeknik terawal dan diberi taraf Politeknik Premier dalam kalangan Politeknik di Malaysia. Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk) telah melantik pihak politeknik sebagai wakil MAIPk dalam pengurusan pengutipan wang zakat dikalangan kakitangan Politeknik. Politeknik ini juga berhampiran dengan MAIPk. Berdasarkan Jadual 3, jumlah dan kutipan zakat pendapatan di PUO menunjukkan peningkatan dalam jumlah pembayar zakat dari tahun 2014 hingga tahun 2017. Pada tahun 2014 adalah seramai 194 orang berbanding tahun 2017 iaitu seramai 239 orang. Jumlah peningkatan adalah sebanyak 23 peratus. Manakala jumlah bayaran zakat meningkat dari RM165,405 kepada RM275,693 dan peningkatan ini adalah sebanyak 66 peratus.

Justeru objektif kajian ini adalah seperti berikut; (1) mengkaji hubungan antara kecenderungan membayar zakat pendapatan dan kefahaman individu terhadap fatwa zakat pendapatan. (2) membandingkan persepsi masyarakat Islam terhadap sistem kutipan serta agihan dalam pengurusan cukai dan zakat. (3) Kajian ini juga akan menganalisis faktor penentu yang berkemungkinan mempengaruhi peningkatan kutipan jumlah zakat pendapatan di PUO. Faktor tersebut termasuklah faktor pendapatan, bidang pendidikan, pengetahuan agama, persekitaran & cukai, kempen MAIPk & pengaruh rakan, rebat cukai pendapatan, kelebihan sistem zakat, kelebihan sistem cukai, agihan zakat, agihan cukai, kefahaman fatwa. Faktor ini dipilih berdasarkan kepada beberapa kajian lepas yang telah menguji faktor ini (Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali, 2007; Nur Barizah & Hafiz Majdi, 2010; Nur Azura, Norazlina & Nor Fadzlin, 2005; Adibah & Joni Tamkin, 2014; Abdul Hamid, 1998; Abdullah Khairi

& Hairunnizam, 2017; Kamil, 2002; Mujaini, 1995; Muhammad Ikhlas, Luqman, Mohd Farhan & Mohamad Zaim, 2017).

## KAJIAN LEPAS

Pembayaran zakat merujuk kepada perbuatan mengeluarkan zakat itu sendiri iaitu menunaikan hak yang wajib terhadap harta. Ia juga digunakan untuk menunjukkan kepada sebahagian harta yang telah ditetapkan yang difardhukan oleh Allah S.W.T. sebagai satu hak kepada orang-orang fakir. Zakat juga dinamakan sebagai sedekah kerana ia menunjukkan kepada sifat benar seorang hamba dalam melakukan *ubudiyyah* dan mentaati perintah Allah S.W.T. Menurut Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan di Malaysia telah menetapkan bahawa zakat pendapatan adalah wajib ditunaikan melalui pewartaan fatwa pada tahun 1997. Terkecuali negeri Perak sahaja pada tahun 2004 telah mewartakan bahawa zakat pendapatan adalah tidak wajib dikutip. Perbezaan kekhilafan ini dilihat turut membantu dalam merencanakan lagi kutipan zakat di Malaysia termasuk di negeri Perak itu sendiri. Konflik tentang zakat pendapatan ini turut dikaji oleh Muhammad Ikhlas, Luqman, Mohd Farhan dan Mohamad Zaim (2017).

Kajian Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali (2007) telah mengkaji faktor-faktor yang signifikan mempengaruhi kesedaran masyarakat untuk membayar zakat menggunakan analisis logistik. Antara faktor yang penting ditemui dalam hasil kajian mereka ialah umur, taraf perkahwinan, pendapatan dan juga mekanisme pembayaran zakat. Kajian oleh Mohd Ali, Hairunnizam dan Nor Ghani (2004) pula menunjukkan peratusan pembayaran zakat adalah kecil dalam kakitangan profesional. Antara faktor yang dikenal pasti ialah pengetahuan dan kurangnya penguatkuasaan. Nur Barizah dan Hafiz Majdi (2010) melibatkan kakitangan profesional di UIAM serta Nur Azura, Norazlina dan Nor Fadzlin (2005) di UUM turut berkongsi faktor yang sama. Dalam menangani isu ini, Kamil Md. Idris (2006) menyatakan keperluan untuk melaksanakan penguatkuasaan yang lebih tegas bertujuan meningkatkan komitmen individu berkelayakan untuk mengetahui tanggungjawab dan menunaikan zakat yang telah diperintahkan oleh Allah. Selain daripada itu, faktor kecekapan institusi dalam membuat kutipan dan agihan turut didapati signifikan untuk menarik keyakinan pembayaran zakat melalui institusi formal oleh Hairunnizam & Sanep (2004). Hasil kajian yang dilakukan oleh Nur Liyana 'Aqilah dan Mohd Ali (2017) di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) mendapati tahap

pendidikan seseorang itu mencerminkan pengetahuan dan keterbukaan dalam bidang ilmu agama seseorang dalam mentaati kefardhuan membayar zakat pendapatan adalah tinggi.

Walaupun zakat hasil penggajian dianggap harta *iktilaf* tetapi ia masih dikategorikan sebagai wajib berzakat ke atasnya berdasarkan fatwa di negeri masing-masing. Kajian oleh Norlela dan Hairunnizam (2014) melihat wujud kekhilafan berkaitan hukum pembayaran zakat pendapatan dimana terdapat sesetengah negeri di Malaysia mewajibkan dan ada yang tidak mewajibkan. Pelaksanaan hukum pembayaran zakat oleh Fatwa Kebangsaan dilihat berbeza pendapat dengan Mufti dan Jawatankuasa Syariah Negeri Perak yang memutuskan bahawa:

*“Bahawa gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup nisab dan haul itu adalah merupakan syarat yang diittifaqkan oleh Jumah Ulama dalam mazhab yang empat. Syarat ini tidak berlaku pada gaji atau pendapatan maka gaji atau pendapatan tidak wajib zakat.”*

Oleh itu, tidak melunaskan zakat penggajian adalah dianggap sebagai individu yang tidak taat dalam melakukan ibadatnya (Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali, 2007). Justeru tindakan ini melambangkan ketidaktaatan pada agama serta tingkat keimanan yang kurang di dalam diri individu tersebut (Aidit, 1998).

Manakala Mohd Faisol et. al. (2005) pula melihat pelaksanaan e-zakat dapat meningkatkan lagi jaringan komunikasi dalam penyampaian maklumat dan perkhidmatan iaitu melalui meningkatkan penyertaan rakyat dalam zakat, meningkatkan ketelusan organisasi, integriti, akauntabiliti dan meluaskan rangkaian global organisasi zakat di seluruh rantau ini dan seluruh negara-negara di seluruh dunia. Rumusnya belum ada kajian yang mengkaji aspek gelagat pembayar zakat pendapatan di negeri Perak.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Pensampelan

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan secara rawak berstruktur dengan menggunakan soal selidik yang dirangka untuk menjawab persoalan kajian. Data diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan secara manual bermula dari 30 Mac 2018 sehingga 16 April 2018 dengan tertumpu kepada individu Islam yang berkhidmat di Politeknik Ungku Omar (PUO) Ipoh, Perak yang terdiri daripada kakitangan akademik dan bukan akademik. Mereka meliputi daripada Unit Pentadbiran, Unit Perpustakaan, Unit Kewangan,

Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Jabatan Pengajian Am, Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Perkapalan. Jumlah kakitangan Islam di Politeknik Ungku Omar (PUO) adalah seramai 550 orang. Sebanyak 500 soal selidik telah diedarkan dan hanya 228 soal selidik diterima dan sesuai untuk dianalisis menjadi responden kajian. Jumlah 228 sampel adalah bersesuaian mengikut Robert V.Krejcie & Daryle W.Morgan (1970) untuk mendapatkan keputusan yang baik.

Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan model regresi logistik bagi menguji kebarangkalian beberapa pemboleh ubah untuk mencapai objektif kajian. Analisis regresi digunakan dalam kajian ini dalam menganalisis data berkaitan dengan kebarangkalian. Model logit binomial sesuai digunakan memandangkan pembolehubah bersandar berbentuk dikotomis sekaligus dapat menguji kesan terhadap tujuh pembolehubah yang berbentuk dami (Gujarati 2003). Model yang dianggarkan dalam regresi logistik adalah seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-z}) \tag{1}$$

Di mana  $P_i$  adalah kebarangkalian bagi responden yang membayar zakat pendapatan iaitu  $Y=1$  dan  $Y=0$  bagi responden yang tidak membayar zakat pendapatan. Kajian ini akan mengadaptasikan model daripada kajian oleh Sanep dan Hairunnizam (2004). Dengan ini berpandukan persamaan (2) model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini ialah:

$$L = \ln \left( \frac{P_i}{1-P_i} \right) = \beta + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11} \tag{2}$$

L Adalah log bagi nisbah ‘odds’ membayar zakat pendapatan

- $X_1$  Adalah dami Pendapatan
- $X_2$  Adalah dami Bidang Pendidikan
- $X_3$  Adalah Pengetahuan Agama
- $X_4$  Adalah Persekitaran & Cukai
- $X_5$  Adalah Kempen MAIPk & pengaruh rakan
- $X_6$  Adalah dami Rebat Cukai Pendapatan
- $X_7$  Kelebihan Sistem Zakat
- $X_8$  Kelebihan Sistem Cukai
- $X_9$  Agihan Zakat
- $X_{10}$  Agihan Cukai
- $X_{11}$  Adalah dami Kefahaman Fatwa

Pembolehubah bersandar adalah bernilai 1 jika responden menyatakan membayar zakat pendapatan dan memberi nilai 0 jika respon tidak membayar zakat pendapatan. Kesemua pembolehubah dalam persamaan (2) diuji untuk menentukan manakah pembolehubah yang signifikan mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan.

## HASIL KAJIAN

Jadual 4 menunjukkan Demografi Responden yang diperolehi semasa menjalankan pengutipan data di lapangan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa (65.8%) adalah perempuan berbanding (34.2%) responden lelaki. Daripada tujuh kategori umur, mendapati kategori yang berumur 36 tahun hingga 40 tahun

JADUAL 4. Demografi Responden

Item	Bilangan	Peratusan (%)
Jantina:		
Lelaki	78	34.2
Perempuan	150	65.8
Umur:		
Bawah 25 tahun	2	0.9
26 hingga 30 tahun	9	3.9
31 hingga 35 tahun	43	18.9
36 hingga 40 tahun	86	37.7
41 hingga 45 tahun	44	19.3
46 hingga 50 tahun	17	7.5
Lebih 51 tahun	27	11.8
Status Perkahwinan:		
Bujang	13	5.7
Berkahwin	208	91.2
Duda/Janda	7	3.1
Pendidikan Akademik Tertinggi:		
SPM	12	5.3
STPM	5	2.2
Sijil	3	1.3
Diploma	18	7.9
Sarjana Muda	79	34.6
Sarjana	102	44.7
PHD	8	3.5
Lain-lain	1	0.4
Bidang Pengajian:		
Agama	38	16.7
Bukan Agama	190	83.3
Gred Jawatan:		
Gred 11 hingga 19	24	10.5
Gred 22 hingga 28	3	1.3
Gred 29 hingga 40	15	6.6
Gred 41 hingga 44	150	65.8
Gred 48 hingga 54	36	15.8
Jawatan Di Politeknik:		
Kakitangan Akademik (Pensyarah)	185	81.1
Kakitangan Sokongan	43	18.9
Pendapatan Bulanan:		
RM1,000 ke bawah	2	0.9
RM1,001 hingga RM3,860	45	19.7
RM3,861 hingga RM8,120	166	72.8
RM8,121 dan ke atas	15	6.6

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik 2018

adalah tertinggi iaitu sebanyak 86 responden (37.7%). Manakala kategori yang berumur 25 tahun ke bawah adalah terendah sebanyak 2 responden (0.9%). Bagi status perkahwinan responden, sebanyak 208 orang responden (91.2%) adalah berstatus telah berkahwin. Hanya terdapat sebanyak 13 orang responden (5.7%) adalah berstatus bujang. Di samping itu, terdapat 7 orang responden (3.1%) yang berstatus janda atau duda bagi taraf perkahwinannya. Majoriti daripada keseluruhan responden adalah berstatus berkahwin.

Jadual 4 menunjukkan majoriti responden bagi tahap pendidikan akademik tertinggi responden adalah terdiri daripada lepasan Sarjana iaitu 102 orang responden (44.7%). Seramai 79 orang responden (34.6%) mempunyai Sarjana Muda. Manakala terdapat 18 orang responden (7.9%) yang memiliki tahap pendidikan akademik sehingga SPM. Namun hanya terdapat seramai 8 orang responden (3.5%) mempunyai tahap pendidikan akademik tertinggi sehingga Phd. Dari segi status bidang pengajian responden, kajian ini mendapati seramai 190 orang responden (83.3%) adalah bukan bidang pengajian agama. Manakala hanya 38 orang responden (16.7%) adalah bidang pengajian agama. Di dalam kajian ini terdapat lima jenis gred jawatan yang di perolehi daripada responden. Kebanyakan responden berada di Gred 41 hingga 44. Gred ini adalah tertinggi iaitu seramai 150 orang (65.8%). Di ikuti oleh Gred 48 hingga 54 seramai 36 orang (15.8%). Di Gred 11 hingga 19 seramai 24 orang (10.5%). Bagi Gred 29 hingga 40 seramai 15 orang (6.6%). Namun demikian hanya terdapat seramai 3 orang (1.3%) di Gred 22 hingga 28. Majoriti responden bagi Jawatan di Politeknik adalah kakitangan akademik (Pensyarah) iaitu seramai 185 orang (81.1%) dan di ikuti oleh Kakitangan Sokongan iaitu seramai

43 orang (18.9%). Sebilangan besar responden kajian ini, pendapatan sebulan yang tertinggi adalah antara RM3,861 hingga RM8,120 iaitu seramai 166 orang responden atau 72.8 peratus. Bagi pendapatan sebulan RM1,001 hingga RM3,860 adalah seramai 45 orang atau 19.7 peratus. Bagi pendapatan sebulan RM8,121 dan ke atas adalah seramai 15 orang atau 6.6 peratus. Namun hanya terdapat seramai 2 orang responden atau 0.9 peratus memperolehi pendapatan RM1,000 kebawah sebulan.

Merujuk kepada Jadual 5 iaitu kecenderungan bayar zakat pendapatan dan memahami fatwa, menunjukkan majoriti responden membayar zakat pendapatan iaitu seramai 172 orang responden atau 75.44 peratus daripada keseluruhan berbanding responden tidak membayar seramai 56 orang responden atau 24.56 peratus daripada keseluruhan. Di dalam kumpulan yang membayar zakat terdapat seramai 132 orang atau 76.7 peratus pernah mendengar dan memahami fatwa zakat berbanding sebaliknya seramai 40 orang atau 23.3 peratus tidak pernah dengar dan tidak faham fatwa negeri Perak yang tidak wajib membayar zakat pendapatan penggajian. Manakala responden yang tidak membayar zakat, terdapat seramai 27 orang atau 48.2 peratus pernah dengar dan faham fatwa berbanding sebaliknya seramai 29 orang atau 51.8 peratus tidak pernah dengar dan tidak faham fatwa negeri Perak yang tidak wajib membayar zakat pendapatan penggajian. Walaupun kajian ini seperti yang dijangka menunjukkan ramai orang Islam khususnya di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak masih tetap membayar zakat pendapatan penggajian walaupun fatwa zakat pendapatan penggajian di negeri Perak tidak mewajibkan untuk membayar.

JADUAL 5. Kecenderungan bayar zakat pendapatan dan memahami fatwa

Bayar zakat pendapatan			
Ya		Tidak	
172 (75.44)		56 (24.56)	
Dengar dan Faham Fatwa	Tidak Dengar dan Tidak Faham Fatwa	Dengar dan Faham Fatwa	Tidak Dengar dan Tidak Faham Fatwa
132 (76.7)	40 (23.3)	27 (48.2)	29 (51.8)

Nota: ( ) peratus daripada jumlah keseluruhan  
Sumber: Maklumat Soalselidik 2018

JADUAL 6. Faktor Pembayaran Zakat Pendapatan

Bil	Item	Faktor Muatan	Nilai Min	Ralat Piawai	Tahap <sup>1</sup>
	Faktor Agama				Tinggi
(1)	Menyempurnakan Rukun Islam	.764	4.84	0.351	
(2)	Islam mewajibkan pembayaran zakat pendapatan	.660	4.59	0.068	
(3)	Yakin akan ketulusan pihak yang mengurus zakat pendapatan	.648	4.47	0.072	
(4)	Faham dan percaya akan kelebihan di sebalik keberkatan pembayaran zakat pendapatan	.704	4.85	0.033	
(5)	Pembayaran zakat pendapatan kurang membebankan hanya 2.5% sahaja	.650	5.82	0.705	
(6)	Membayar zakat pendapatan bagi mengelakkan hukuman di akhirat kelak	.680	4.62	0.077	
	Purata		4.87	0.218	
	Faktor Persekitaran Dan Cukai				Sederhana
(1)	Inginkan insentif rebat cukai pendapatan apabila membayar zakat pendapatan	.815	4.14	0.101	
(2)	Membayar zakat untuk mengelak pembayaran cukai pendapatan	.849	2.04	0.114	
	Purata		3.09	0.113	
	Faktor Kempen MAIP & Pengaruh rakan				Sederhana
(1)	Kempen kesedaran membayar zakat pendapatan oleh MAIP adalah berkesan dan bermanfaat	.751	3.79	0.897	
(2)	Membayar zakat pendapatan kerana pengaruh kawan	.767	3.49	0.125	
	Purata		3.64		
	Nilai Min keseluruhan		3.87		Tinggi

Nota: Kesemua pembolehubah melebihi ujian Bartlett's Test of Sphericity: dan signifikan pada aras keertian 1% <sup>1</sup>Skala Tahap Persetujuan; < 2.4; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi (Bahril Balli & Wahid Razzaly (2011)

Sumber: Maklumat Soalselidik 2018

Terdapat tiga (3) faktor yang dikaji iaitu Faktor Agama, Faktor Persekitaran dan Cukai dan Faktor Kempen MAIP & Pengaruh rakan. Min setiap faktor dinilai untuk dijadikan rujukan tahap persetujuan responden iaitu bagi min 3.81 dan keatas adalah tahap persetujuan yang tinggi, nilai min 2.41 hingga 3.80 adalah tahap persetujuan yang sederhana, dan nilai min 2.4 dan kebawah dinilai sebagai tahap persetujuan yang rendah. Hasil kajian ini telah mendapati tahap persetujuan yang tinggi berlaku kepada faktor Agama(4.87%). Manakala faktor yang dinilai berada pada tahap persetujuan yang sederhana adalah faktor

Persekitaran dan Cukai(3.09%) dan juga faktor Kempen MAIPk & Pengaruh rakan(3.64%). Namun begitu secara keseluruhannya, nilai min keseluruhan kesemua faktor Pembayaran Zakat Pendapatan ialah pada tahap yang tinggi(3.87%)

Untuk melihat gelagat kakitangan terhadap Kelebihan Sistem Zakat dan Faktor Kelebihan Sistem Cukai, min setiap faktor dinilai untuk dijadikan rujukan tahap persetujuan responden iaitu bagi min 3.81 dan keatas adalah tahap persetujuan yang tinggi, nilai min 2.41 hingga 3.80 adalah tahap persetujuan yang sederhana, dan nilai min 2.4 dan ke bawah dinilai



JADUAL 7. Kelebihan Sistem Zakat dan Cukai

Bil	Item	Nilai Min	Ralat Piawai	Tahap <sup>1</sup>
	Faktor Kelebihan Sistem Zakat			Tinggi
(1)	Saya berpendapat bahawa sistem zakat di Malaysia berfungsi dengan baik	4.01	0.065	
(2)	Saya merasakan bahawa kadar zakat di Malaysia adalah munasabah	4.22	0.048	
(3)	Saya berpendapat bahawa sistem zakat di Malaysia adalah adil	4.05	0.060	
(4)	Saya merasakan bahawa kewujudan banyak kemudahan untuk membayar zakat	4.20	0.057	
(5)	Saya berpendapat bahawa penguatkuasaan undang-undang zakat adalah berkesan	3.75	0.072	
	Purata	4.04	0.060	
	Faktor Kelebihan Sistem Cukai			Sederhana
(1)	Saya berpendapat bahawa sistem cukai di Malaysia berfungsi dengan baik	3.62	0.087	
(2)	Saya merasakan bahawa kadar cukai di Malaysia adalah munasabah	3.23	0.089	
(3)	Saya berpendapat bahawa sistem cukai di Malaysia adalah adil	3.16	0.096	
(4)	Saya merasakan bahawa kewujudan banyak kemudahan untuk membayar cukai	3.82	0.077	
(5)	Saya berpendapat bahawa penguatkuasaan undang-undang cukai adalah berkesan	3.74	0.076	
	Purata	3.52	0.085	

Nota: <sup>1</sup>Skala Tahap Persetujuan; < 2.4 Rendah; 2.41-3.80 Sederhana; >3.81 Tinggi (Bahril Balli & Wahid Razzaly (2011))

Sumber: Maklumat Soalselidik 2018

sebagai tahap persetujuan yang rendah. Hasil kajian ini telah mendapati tahap persetujuan yang tinggi berlaku kepada Kelebihan Sistem Zakat (4.04%). Manakala Kelebihan Sistem Cukai berada pada tahap persetujuan yang sederhana (3.09%). Bagi mengkaji kepercayaan kepada Agihan Zakat dan Agihan Cukai, min setiap faktor dinilai untuk dijadikan rujukan tahap persetujuan responden iaitu bagi min 3.81 dan keatas adalah tahap persetujuan yang tinggi, nilai min 2.41 hingga 3.80 adalah tahap persetujuan yang sederhana, dan nilai min 2.4 dan kebawah dinilai sebagai tahap persetujuan yang rendah. Hasil kajian ini mendapati tahap persetujuan yang tinggi berlaku kepada sistem Agihan Zakat(3.81%). Manakala faktor yang dinilai berada pada tahap persetujuan yang sederhana adalah sistem Agihan Cukai(3.67%). Responden lebih kepercayaan kepada sistem agihan zakat.

Ujian Model: Merujuk kepada Jadual 9 Pengelasan Regresi Logistik, kajian mendapati model Regresi binomial logistik yang digunakan, pembolehubah bersandar ialah responden membayar

zakat pendapatan dan sebaliknya. Ia menunjukkan peratusan betul bagi yang membayar ialah 100 peratus betul manakala tidak membayar 16.7 peratus betul. Ini menunjukkan model ini adalah aras kesahan benar yang tinggi melebihi 50 peratus. Merujuk kepada Jadual 10, hasil kajian ini juga mendapati pembolehubah bersandar yang diterangkan oleh pembolehubah bebas sebanyak 9.7 peratus digambarkan oleh Cox & Snell ( $R^2 = 0.097$ ) dan 37 peratus ditunjukkan oleh Negelkerke ( $R^2 = 0.379$ ). Selanjutnya ujian padanan model telah dilakukan menggunakan ujian chi-square Hosmer dan Lemeshow menunjukkan nilai bersamaan 6.715 ( $df=5$ ) dan didapati tidak signifikan. Ini menunjukkan model ini mempunyai padanan yang baik dan sesuai untuk dianalisis.

Nilai koefisien: Hasil regresi terhadap model mendapati terdapat dua pembolehubah yang kekal signifikan pada aras keertian 5 peratus iaitu pembolehubah Pendapatan dan Kefahaman Fatwa. Nilai koefisien untuk kedua pembolehubah ini adalah 3.742 dan 2.243 namun bernilai negatif. Ini

JADUAL 8. Agihan Sistem Zakat dan Cukai

Bil	Item	Nilai Min	Ralat Piawai	Tahap <sup>1</sup>
Agihan Zakat:				Tinggi
(1)	Saya merasakan bahawa zakat dikutip dengan cekap dan efisien	3.92	0.068	
(2)	Saya berpendapat bahawa maklumat berkaitan kutipan zakat mudah untuk di akses	3.98	0.065	
(3)	Saya merasakan bahawa zakat diagih dengan cekap dan efisien	3.71	0.076	
(4)	Saya merasakan bahawa proses agihan zakat sampai kepada sasaran	3.68	0.076	
(5)	Saya berpendapat bahawa program agihan zakat yang dilaksanakan berkesan dan bermanfaat	3.77	0.073	
(7)	Saya berpendapat bahawa maklumat berkaitan agihan zakat mudah untuk di akses	3.78	0.078	
Purata		3.81	0.073	
Agihan Cukai:				Sederhana
(1)	Saya merasakan bahawa cukai dikutip dengan cekap dan efisien	3.83	0.077	
(2)	Saya berpendapat bahawa maklumat berkaitan kutipan cukai mudah untuk di akses	4.20	0.380	
(3)	Saya merasakan bahawa cukai diagih dengan cekap dan efisien	3.40	0.083	
(4)	Saya merasakan bahawa proses agihan cukai sampai kepada sasaran	3.65	0.387	
(5)	Saya berpendapat bahawa program agihan cukai yang dilaksanakan berkesan dan bermanfaat	3.37	0.080	
(6)	Saya berpendapat bahawa maklumat berkaitan agihan cukai mudah untuk di akses	3.56	0.088	
Purata		3.67	0.182	

Nota: <sup>1</sup>Skala Tahap Persetujuan; < 2.4 Rendah; 2.41-3.80 Sederhana; >3.81 Tinggi (Bahril Balli & Wahid Razzaly (2011)

Sumber: Maklumat Soalselidik 2018

JADUAL 9. Pengelasan Regresi Logistik<sup>1</sup>

Pemerhatian Model	Di ramalkan	Peratusan Betul	
		Ya	Tidak
Ya		171	0
Tidak		5	1
			100.0
			16.7

Nota: <sup>1</sup> nilai batasan = 0.5

Model regresi: Regresi binomial logistik. Pemboleh ubah bersandar : Membayar zakat pendapatan

menunjukkan wujud hubungan yang negatif antara pembolehubah Pendapatan dan Kefahaman Fatwa di PUO terhadap pembolehubah bersandar. Nilai koefisien pembolehubah Kefahaman Fatwa adalah lebih tinggi berbanding pembolehubah Pendapatan. Ini kerana responden sangat menitik beratkan fadhilat yang dijanjikan oleh Allah apabila membayar zakat. Tatkala zakat ditunaikan dengan penuh keimanan dan

keikhlasan, pasti ada kesan yang sangat besar dapat dirasai dan dinikmati oleh setiap individu didunia mahupun diakhirat antaranya dapat menyucikan harta serta dapat meluaskan rezeki. Walaupun pendapatan responden tidak mencapai syarat cukup nisab yang ditetapkan. Namun begitu berdasarkan Jadual 10, pembolehubah bidang pendidikan, pengetahuan agama, rebat cukai pendapatan, kelebihan sistem zakat, agihan

cukai adalah tidak signifikan.

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini mendapati wujud kecenderungan individu Muslim yang membayar zakat pendapatan tetapi tidak faham dan tidak pernah dengar fatwa zakat pendapatan di negeri Perak. Mereka tetap membayar zakat pendapatan kerana pendekatan MAIPk yang senantiasa memikirkan kaedah atau cara yang terbaik bagi meningkatkan kesedaran individu untuk membayar zakat pendapatan. Pelbagai program kesedaran dan pemahaman tentang zakat dijalankan. MAIPk menyebarkan maklumat kepada masyarakat melalui media massa, seminar, ceramah dan pendidikan formal. Menurut Hairunnizam, Sanep dan Mohd Ali (2013), medium sebaran formal yang berbentuk promosi seperti pameran bergerak, peranan amil kariah dan pegawai zakat disetiap daerah memainkan peranan yang penting dan amat berkesan didalam kesedaran tentang zakat serta institusi yang menguruskan zakat. Ini disokong oleh kajian Ismadi Md Badarudin, Arifin Saleh, Sy Aahbudin Senin, Alias Deraman (2004), institusi zakat perlu memainkan peranan yang proaktif bagi menyebarkan maklumat zakat melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti laman web, laman sosial, papan iklan, laporan tahunan, radio, televisyen dan ceramah zakat di masjid dan juga surau. Ini bersesuaian dengan kajian yang di lakukan oleh Mohd Faisal (2014), pelaksanaan e-zakat dapat meningkatkan lagi jaringan komunikasi dalam penyampaian maklumat dan perkhidmatan iaitu melalui meningkatkan penyertaan rakyat dalam zakat, meningkatkan ketelusan organisasi, integriti, akauntabiliti dan meluaskan rangkaian global organisasi zakat di seluruh rantau ini dan seluruh negara-negara di seluruh dunia.

Sebenarnya, keberkesanan kutipan dan agihan zakat amat bergantung kepada sistem pengurusan oleh institusi zakat itu sendiri seperti menurut kajian Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009). Pusat Pungutan Zakat (PPZ) menjalankan usaha dakwah dan penyaluran informasi berkenaan zakat yang senantiasa dijalankan sepanjang tahun menerusi ceramah di pejabat-pejabat kerajaan dan syarikat-syarikat swasta, sesi taklimat kepada majikan, persatuan, NGO serta khutbah sempena sembahyang Jumaat hasil kajian oleh M. Rais Alias (2004). Bagi golongan yang berpendapatan pula, antara kemudahan yang disediakan untuk mereka menunaikan zakat pendapatan ialah Skim Potongan Gaji (SPG). Skim ini diperkenalkan sebagai satu kemudahan kepada para

majikan dan kakitangan kerajaan juga swasta untuk menunaikan tanggungjawab mereka membayar zakat gaji secara ansuran bulanan melalui potongan gaji. Mereka juga akan menikmati rebat cukai pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Pihak MAIPk boleh menjelaskan fadhilat dan hikmahnya zakat yang diunjurkan dalam Islam iaitu untuk ‘penyucian’ dan ‘pertumbuhan’ harta dalam mendapatkan keredaan Allah dan keberkatan dalam hidup. Malahan Zakat dapat mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang diberikan oleh Allah. Kepada pembayar zakat, zakat ini sebagai alat untuk menyucikan harta bagi memperolehi keredaan Allah dan membolehkan ia bertumbuh dalam keadaan baik, selain menyucikan hati si pemberi daripada sifat mementingkan diri dan tamak. Ini disokong oleh Ibn Taimiyah iaitu di dalam jiwa pembayar zakat, ia menjadi lebih baik dan hartanya dibersihkan. Menurut Syaikh Ali Ahamad Al-Jurjawi (2008) dalam bukunya, *Hikmah al-Tasyri' wa Falsafatuhu* berkata:

*“Antara hikmah menunaikan zakat ialah membawa kepada keamanan dalam negara. Beliau memberi banyak alasan dan hujah bagi membenarkan kenyataan tersebut yang jelas menunjukkan bala menimpa masyarakat, negeri, negara dan tempat di mana pengabaian untuk mengeluarkan zakat berlaku. Natijah yang lebih parah lagi membawa kepada pembunuhan, jenayah, pencurian dan juga ramai yang ditangkap dan dimasukkan ke penjara kerana sebab harta benda dan kewangan.”*

Sekiranya pihak Maipk menekankan kepada fatwa zakat, di mana pembayaran zakat pendapatan tidak wajib dan bukannya terhadap fadilat pembayaran zakat pendapatan, jumlah kutipan zakat pendapatan akan terjejas. Lantaran itu agihan zakat kepada asnaf tidak dapat diagihkan mengikut keperluan mereka. Sehubungan dengan itu, rakyat negeri Perak yang membayar zakat pendapatan memperoleh pahala yang lebih berbanding dengan rakyat negeri lain yang fatwa mewajibkan pembayaran zakat pendapatan.

Kenapa faktor pendapatan dan kefahaman fatwa signifikan. Walaupun fatwa zakat negeri Perak tidak mewajibkan pembayaran zakat pendapatan, namun responden di Politeknik Ungku Omar menunjukkan kecenderungan dan kesedaran untuk membayar zakat pendapatan. Jumlah kutipan zakat pendapatan setiap tahun sentiasa meningkat. Tahap pendapatan juga mempengaruhi secara signifikan pembayaran zakat. Kajian ini menyokong kajian Mohd Zyadi dan Mariani (1999) serta Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail (2001) yang menunjukkan faktor pendapatan amat penting dalam mempengaruhi

JADUAL 11. Hubungan antara tingkat pendapatan dan membayar zakat pendapatan

Tingkat Pendapatan	Bayar zakat pendapatan		Jumlah Responden
	Ya	Tidak	
RM1,000 ke bawah	1 (50.0)	1 (50.0)	2 (100.0)
RM1,001 – RM3,860	15 (33.3)	30 (66.7)	45 (100.0)
RM3,861 – RM8,120	143 (86.1)	23 (13.9)	166 (100.0)
RM8,121 dan ke atas	13 (86.7)	2 (13.3)	15 (100.0)
Jumlah	172 (75.4)	56 (24.6)	228 (100.0)

Nota: nilai  $\chi^2$  adalah signifikan pada aras keertian 1%  
( ) adalah peratusan daripada jumlah responden mengikut tingkat pendapatan

pembayaran zakat. Semakin tinggi pendapatan semakin tinggi kebarangkalian individu membayar zakat memandangkan pendapatan yang tinggi akan mencukupkan syarat cukup nisab zakat.

Melalui Jadual 11, menunjukkan hubungan antara tingkat pendapatan dan membayar zakat pendapatan, mendapati responden yang mempunyai tingkat pendapatan yang rendah tetap membayar zakat pendapatan. Namun begitu, terdapat juga responden yang berpendapatan tinggi tidak membayar zakat pendapatan. Responden yang memperolehi tingkat pendapatan rendah iaitu RM1,001 hingga RM3,860, sebanyak 15 orang atau (33.3%) daripada keseluruhan. Manakala responden yang memperolehi tingkat pendapatan yang sama, seramai 30 orang atau (66.7%) daripada keseluruhan tidak membayar zakat pendapatan. Ini kerana golongan tersebut sangat memahami fatwa pendapatan tidak wajib dibayar di negeri Perak dan lebih mengutamakan pembayaran cukai pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berbanding fadhilat yang dijanjikan oleh Allah. Golongan yang berpendapatan antara RM3,861 hingga RM8,120 adalah pembayar zakat yang paling ramai iaitu 143 orang berbanding 23 orang sahaja yang tidak menunaikan pembayaran zakat. Bagi golongan ini pula mereka membayar zakat pendapatan kerana mementingkan fadhilat yang dijanjikan oleh Allah dan untuk mengelakkan membayar cukai pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Cukai pendapatan hanya untuk faedah dunia sahaja berbanding zakat pendapatan untuk dunia dan akhirat.

## KESIMPULAN

Daripada hasil kajian ini dapat disimpulkan bahawa Fatwa Zakat Pendapatan yang tidak wajib di negeri Perak, tidak memberi kesan pada pembayaran zakat pendapatan di kalangan kakitangan Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak. Dengan andaian kemungkinan mereka menitik beratkan fadhilat pembayaran zakat yang telah di janjikan oleh Allah. Oleh itu, rakyat negeri Perak yang membayar zakat pendapatan memperoleh pahala yang lebih berbanding dengan rakyat negeri lain yang fatwa mewajibkan pembayaran zakat pendapatan. Peningkatan kesedaran membayar zakat pendapatan adalah penting. Di Malaysia fatwa wajib zakat pendapatan wujud dengan pewartaan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada tahun 1997. Walaupun begitu hanya negeri Perak yang kekal tidak mewajibkan zakat pendapatan. Masyarakat umum pula terdedah dengan pelbagai tafsiran dan polemik tersebut dan akhirnya menjadi keliru. Kekeliruan itu memberi kesan kepada sikap pembayar untuk mematuhi atau tidak mematuhi fatwa tersebut. Melalui pelaksanaannya yang efektif dan teratur akan mewujudkan suatu bentuk jaminan sosial dan sumbangan dalam memartabatkan kecemerlangan umat. Walau bagaimanapun perlu difahami bahawa zakat pendapatan mempunyai Prinsip keadilan ekonomi dan bentuk keprihatinan Islam terhadap kaum miskin. Maka semakin banyak kutipan zakat, semakin banyaklah wang dapat diagihkan dan dapat membantu asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin dalam kehidupan mereka serta kemiskinan tegar dapat dihapuskan secara beransur-ansur perlu diambil tindakan segera. Ingatlah! zakat merupakan perkara penting dalam agama Islam

sebagaimana solat lima waktu. Tatkala zakat ditunaikan dengan penuh keimanan, pasti ada kesan yang sangat besar yang dapat dirasakan dan dinikmati oleh setiap individu. Jika ibadah solat yang dilaksanakan menjadi bukti kecintaan terhadap Allah SWT, zakat pula menjadi bukti kecintaan seseorang terhadap saudaranya. Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda,

“Tidak sempurna iman seseorang di antara kalian sehingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.”

(Riwayat Bukhari & Muslim)

#### RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohd Hassan, (1998). *Antara zakat dan cukai pendapatan: Satu analisis penyelarasan*. Kertas kerja dibentang dalam seminar zakat dan cukai pendapatan di Pusat Matrikulasi USM.
- Abdullah Khairi & Hairunnizam Wahid, (2017). *Pembayaran Zakat Pendapatan Melebihi Kadar Kewajipan Zakat: Kajian Dalam Kalangan Kakitangan Kerajaan Di Wilayah Persekutuan, Putrajaya* Prosiding PERKEM ke-12, 199-207.
- Adibah Abdul Wahab & Joni Tamkin Borhan, (2014). *Faktor Penentu Pembayaran Zakat oleh Entiti Perniagaan di Malaysia: Satu Tinjauan Teori*. Jurnal Syariah, Jilid 2: 295-322.
- Aidit Ghazali, (1988). *Zakat Satu Tinjauan*. IBS Buku Sdn Bhd., Selangor
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Fatimah Salwa Abdul Hadi & Nor Hamizah Saidin. (2016). *Kepatuhan Pengiraan Zakat Pendapatan Kumpulan Profesional di Universiti Pendidikan Sultan Idris.Sains Humanika*. 8: 3 (2016) 1–7.
- Gujarati, D.N. (2003). *Basic Econometrics*. 4th Edition. New York: McGraw Hill.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2013). *Keberkesanan dan Kesesuaian Medium Promosi Agihan Zakat: Kajian Kes di Negeri Selangor*. PERKEM VIII, JILID 1, 28-37.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2007). *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia*. *Islamiyyat*, 29, 53-70.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2009). *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati?* *Jurnal Syariah*. 17 (1) 2009: 89-112
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2010). *Cadangan Melokalisasikan Pengagihan Zakat: Persepsi Amil dan Penerima Zakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd. Noor, & Sanep Ahmad. (2005). *Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya?* *IJMS*, 12(2), 171-189.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2005). *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia* dalam Abu Sufian et.al (penyt) *Pascasidang Seminar Ekonomi & Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd hlm 265-274.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2006). *Kesedaran Membayar Zakah Pendapatan Di Malaysia*. Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Wkonomi & Perniagaan, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Institusi Zakat di Malaysia. Dicapai pada 30 Mac 2018.
- Ismadi Md Badarudin, Arifin Saleh, Sy Ahabudin Senin, Alias Deraman. (2004). *Kajian Aplikasi Sistem Dalam Pelaksanaan Zakat Berkomputer Di Negeri Melaka*. Universiti Teknologi MARA.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM). Dicapai pada 30 Mac 2018.
- Kamil Md. Idris. (2006). *Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji*. *REKAYASA – Journal of ethics, legal and governance* Vol. 2, 2006 (32-41)
- Kamil Md. Idris. (2002). *Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji Di Kalangan Kakitangan Awam*. Tesis PhD Tidak Diterbit, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Kerajaan Negeri Perak (2004), *Warta Kerajaan Negeri Perak*. Perak: Kerajaan Negeri
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2002). *Peranan Zakat dalam Pembangunan Ummah*. In: Nik Mustapha Nik Hassan (ed) *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Md Zyadi Tahir & Mariani Majid. (1999). *Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia*. Dlm Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. pp 293-306.
- M. Rais Alias. (2004). *Strategi Kutipan Zakat Di Kuala Lumpur, Malaysia. Kertas Kerja Zakat Awards 2004*, Institut Manajemen Zakat, Dompok Dhuafa Republika, 21Oktober 2004.
- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid, Nor Ghani. (2004). *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia*. *Islamiyyat*, 26(2), 59-68.
- Mohd Faisal Ibrahim, Mohd Yahya Mohd Hussein & Suhaina Musani. (2005). *Peranan Institusi Bank Sebagai Agen Kutipan Dalam Aktiviti Bayaran Zakat: Kajian Ke Atas Pusat Zakat*
- Mohd. Daud Bakar. (1998). *The Malaysian Zakat System: Law and Policy Reform*. Kertas kerja dibentangkan di “Seminar of Zakat and Taxation” di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur
- Muhammad Ikhlas R., Luqman H. A., Mohd Farhan M. A. & Mohamad Zaim I. (2017). *Konflik Hukum Zakat Pendapatan: Satu Penilaian*. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. Vol. 11, 2017,

- pp. 13-19.
- Mujaini Tarimin. (1995), “*Zakat Penggajian: Satu Penilaian Terbaru Di Malaysia,*” kertas kerja, ITM Shah Alam.
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail. (2001). *Can Privatization Improve Performance? Evidence from Zakat Collection Institutions.* Kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlela Zaman & Hairunnizam Wahid. (2014). *Pewartaan Zakat Pendapatan dan Trend Kutipan Zakat Pendapatan: Kajian di Malaysia.* Prosiding PERKEM ke-9, 199-207
- Nur Azura S, Norazlina AW, Nor Fadzlin MB. (2005). *Gelagat Kepatuhan Pembayaran Zakat Pendapatan: Kajian Kes UUM.* Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam, Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia, 29-30 Ogos.
- Nur Barizah Abu Bakar, Hafiz Majdi Abdul Rashid. (2010). *Motivations of Paying Zakat on Income: Evidence from Malaysia.* International Journal of Economics and Finance 2 (3), 76-84. Perak.
- Nur Liana ‘Aqilah Derus, Mohd Ali Mohd Noor. (2017). *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.* Prosiding PERKEM ke-12(2017), 55-63
- Qaradawi, Yusuf, (2000), *Fiqh al-Zakah*, Vol II .English Translation by Monzer Kahf, Jeddah, Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.
- Sanep Ahmad, (2004). *Kepatuhan Bayaran Zakat Kepada Institusi Formal Kutipan Zakat.* Laporan Penyelidikan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti kebangsaan Malaysia .Selangor. Dlm. Kertas Kerja Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam, 29-30 Ogos. Selangor: ESSET Bangi.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2004). *Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal Ke Atas Kepatuhan Membayar Zakat dalam Pascasidang Seminar Kebangsaan Fakulti Ekonomi & Perniagaan 2004.* Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd.
- Syaikh Ali Ahamad Al-Jurjawi.(2008). *Hikmah dan Falsafah Dibalik Penetapan Syariat, Hikmah at-Tasyri wa Falsafatuhu* Diterbitkan pada tahun 2008 oleh Pustaka Hidayah.
- Umer Chapra, M.(1992). *Islam and the economic challenge.* Leicester: t.pt.
- Zainol Bidin, & Kamil Md Idris, (2009), *Sikap, Norma Subjektif dan Kawalan Gelagat Di Tanggapi Terhadap Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji* IJMS 16 (1), 31-55.

Mohamed Hanif Mohamed Nor & Hairunnizam Wahid\*  
Fakulti Ekonomi & Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: hairun@ukm.edu.my

Diserahkan: 13 Disember 2018  
Diterima: 6 Mac 2019